

Persetujuan sawit

Malaysia manfaatkan perjanjian tambahan bagi projek ECRL

PUTRAJAYA

Malaysia memanfaatkan pemeteraian Perjanjian Tambahan (SA) Projek Rel Pantai Timur (ECRL) bagi merangka butiran memabatkan pembelian minyak sawit oleh China.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada perjanjian baharu antara Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) dengan China Communications Construction Company Ltd (CCCC) yang dimeterai baru-baru ini turut mem-



Dr Mahathir pada sidang media menjejaskan projek ECRL di Bangunan Perdana Putra, semalam.

babitkan persetujuan termasuk eksport minyak sawit dan pelaburan dari China.

“Ia bukan secara langsung berkaitan (dengan perjanjian tambahan ECRL). Namun kita mengambil kesempatan perjanjian untuk mencadangkan pembelian

minyak sawit oleh China.

“Itu akan berlaku,” katanya pada sidang media berkaitan projek ECRL di Bangunan Perdana Putra, semalam.

Laporan sebelum ini menyatakan bahawa rundingan pakej ECRL itu turut mem-


babitkan komitmen China bagi membeli lebih banyak minyak sawit dari Malaysia selain meningkatkan pelaburan langsungnya ke Malaysia.

Pada 12 April lepas, MRL dengan CCCC memeterai SA yang membolehkan projek ECRL yang ditangguhkan, disambung semula.

ECRL yang diluluskan kerajaan Barisan Nasional (BN) sebelum ini, ditangguhkan tahun lepas oleh kerajaan Pakatan Harapan (PH) berikutan memabatkan kos yang terlalu tinggi.

Sementara itu, mengulas harga tiket ECRL, Dr Mahathir berkata, butiran berkaitan masih belum diputuskan setakat ini.

“Namun, kita juga mempunyai hak dari segi menentukan operasi secara dalam talian, termasuk harga tiket,” katanya. - *Bernama*



MINYAK SAWIT MALAYSIA

- Pada tahun 2018, keluasan ladang sawit ialah 5.85 juta hektar.
- Malaysia mengeluarkan sebanyak 19.5 juta tan minyak kelapa sawit pada tahun lalu.
- Antara negara pengimport utama minyak kelapa sawit ialah India, China, Kesatuan Eropah, Pakistan, Filipina, Turki, Amerika Syarikat.
- China ialah pembeli minyak sawit Malaysia kedua terbesar selepas Kesatuan Eropah (EU) dan negara itu dijangka menjadi pengimport terbesar produk utama dalam masa dua tahun.
- Pada tahun lalu, Malaysia mengeksport 3.07 juta tan minyak dan produk sawit bernilai RM8.38 bilion ke China
- Ia adalah peningkatan sebanyak 7.3 peratus berbanding dengan 2.86 juta tan bernilai RM9.39 bilion pada 2017.
- Peningkatan import oleh China pada tahun lalu adalah berikutan pertambahan belian biodiesel sawit Malaysia iaitu daripada 140 tan (RM5.0 juta) pada 2017 kepada 41,450 tan (RM113 juta).
- Peningkatan import sawit oleh China terutamanya pada pertengahan 2018 juga didorong situasi ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat dan China.